



## **UCAPAN PERASMIAN**

**YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA  
MALAYSIA**

**QLASSIC DAY 2019**

**2.30 pm – 5.30 pm**

**21 Mac 2019 (Khamis)**

**Malaysia International Trade and  
Exhibition Centre (MITEC)**

(salutations to be provided on event day)

Para tetamu kehormat,

Para pengamal media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat pagi dan Salam Sayangi Malaysiaku.

1. Saya berasa berbesar hati kerana berpeluang bersama-sama hadirin sekalian di majlis yang begitu ceria dan penuh bermakna meraikan **QLASSIC Day 2019** (*note: pronounce as “QUE LASIK”*) anjuran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**. Ini adalah kali kedua saya menghadiri majlis **QLASSIC**.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada CIDB kerana berjaya menganjurkan acara tahunan yang signifikan ini bagi meraikan dan mengiktiraf penggiat industri yang telah mencapai prestasi yang memberansangkan di dalam penilaian kualiti QLASSIC.
3. Saya amat yakin program ini akan terus dapat meningkatkan kualiti dan mutu hasil kerja industri pembinaan di Malaysia sejajar dengan aspirasi **Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020** di bawah teras strategik **Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme**.

4. Untuk makluman hadirin sekalian, sejak enam tahun penganjuran QLASSIC Day ini, semua projek pembinaan bangunan yang mencapai markah **QLASSIC 80 dan ke atas**, akan diiktiraf dan dianugerahkan pencapaian QLASSIC. Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan positif akan bilangan projek yang mencapai skor QLASSIC 80 peratus keatas. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan.
5. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan daya saing dan kemampanan industri pembinaan ke suatu tahap yang lebih tinggi, CIDB telah memutuskan untuk menaikkan skor kelayakan penerima anugerah pencapaian QLASSIC kepada 83 peratus mulai tahun ini. Tahniah diucapkan kepada CIDB serta semua penggiat industri dan agensi yang terlibat di dalam usaha meningkatkan perlaksanaan QLASSIC.
6. Saya dimaklumkan seramai **15 pemaju atau pemilik projek, 17 kontraktor dan 18 arkitek** akan menerima pengiktirafan **QLASSIC Achievement Award untuk 20 projek pembinaan bangunan** yang dinilai pada tahun 2018. Kesemua projek ini berjaya mendapat markah QLASSIC 83 dan ke atas. Apa yang lebih membanggakan lagi adalah pada tahun ini salah satu dari 20 projek tersebut bakal menerima anugerah pencapaian terbaik dengan **skor QLASSIC 89**. Ini adalah **skor QLASSIC tertinggi** yang pernah dicapai sejak QLASSIC diperkenalkan pada tahun 2007. Ini adalah bukti industri pembinaan berupaya mencapai kualiti hasil kerja yang tinggi

sepertimana yang digariskan di dalam ***Construction Industry Standard C.I.S 7:2014***. Tahniah dan syabas diucapkan kepada penerima markah QLASSIC tertinggi yang akan diumumkan sebentar nanti!

7. Selain dari QLASSIC High Achievement Award, majlis ini juga memberi penghargaan kepada **empat projek kerajaan yang mendapat markah tertinggi, iaitu 75 dan ke atas**. Ini merupakan satu galakan kepada agensi-agensi kerajaan untuk melaksanakan penilaian QLASSIC ke atas projek pembinaan mereka.

Para hadirin sekalian,

8. Purata skor penilaian QLASSIC pada tahun 2018 telah meningkat berbanding tahun 2017. Skor purata bagi kesemua projek pembinaan bangunan meningkat daripada 72 kepada 74 pada tahun 2018. Bagi projek swasta khususnya, skor purata telah meningkat dari 73 ke 74, manakala bagi kategori projek Kerajaan pula skor purata meningkat dari 68 ke 72. Peningkatan prestasi ini jelas mencerminkan bahawa terdapat peningkatan kesedaran dan komitmen terhadap kualiti di dalam industri pembinaan secara keseluruhannya.

### **PERLAKSANAAN QLASSIC UNTUK RUMAH MAMPU MILIK**

Para hadirin sekalian,

9. Satu lagi sejarah akan dicipta dengan **pemeteraian kerjasama di**

antara CIDB dan Jabatan Perumahan Negara (JPN), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di dalam perlaksanaan QLASSIC untuk projek-projek perumahan mampu milik.

10. Akujanji yang akan ditandatangani pada hari ini bersama JPN, SPNB dan PR1MA adalah komitmen KPKT dalam melaksanakan penilaian QLASSIC untuk pembinaan projek-projek perumahan mampu milik di bawah agensi-agensi tersebut. Kerjasama yang ditunjukkan ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan kerana ia membuktikan bahawa pengukuran kualiti QLASSIC juga relevan untuk rumah mampu milik dan tidak terhad kepada rumah-rumah berkos tinggi.
11. Kerajaan, melalui KPKT telah meletakkan sasaran untuk membina sejuta unit kediaman mampu milik dalam tempoh 10 tahun akan datang. KPKT telah menyatakan komitmen mereka yang tinggi dalam menekankan aspek-aspek kualiti dalam melaksanakan mandat ini.
12. Melalui kerjasama dengan CIDB ini, KPKT akan mewajibkan pemilikan sijil QLASSIC keatas kesemua projek perumahan awam mahupun swasta, berkuatkuasa pada tahun 2020. Inisiatif ini merupakan salah satu daripada strategi yang telah digariskan di dalam pelan tindakan Dasar Perumahan Negara 2.0, bertujuan untuk memanfaatkan sepenuhnya teknologi dan ekosistem sokongan dalam bagi meningkatkan penawaran dan produktiviti industri

perumahan.

13. Halatuju ini juga selaras dengan sasaran yang digariskan di dalam kajian separuh penggal Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Indeks Pencapaian Utama (KPI) yang ditetapkan di dalam CITP berkaitan dengan penggunaan QLASSIC adalah seperti berikut:
  - i. Lebih daripada 30% projek perumahan mencapai sekurang-kurangnya 65 markah QLASSIC pada suku ke-4, tahun 2020.
  - ii. 25% daripada bangunan bukan perumahan yang bernilai lebih daripada RM10 juta mencapai 65 markah QLASSIC atau lebih bermula Januari 2021, dan
  - iii. 100% projek perumahan mampu milik awam mencapai 65 markah QLASSIC minimum
14. Sasaran yang ditetapkan di bawah CITP ini adalah bertujuan memastikan bahawa semua pembeli rumah mendapat rumah mampu milik yang berkualiti dan menepati standard yang ditetapkan. Ini sememangnya bukan sesuatu yang mustahil untuk dicapai dengan adanya kerjasama agensi-agensi yang akan Menandatangani Akujanji pada hari ini. Malah, pencapaian projek-projek yang kita raikan pada hari ini juga menunjukkan bahawa penggiat industri kini mampu menghasilkan pembinaan yang berkualiti.
15. Di kesempatan ini, saya ingin memberi galakan dan dorongan kepada para penggiat industri agar terus menggunakan penilaian

QLASSIC ke atas projek-projek pembinaan yang dilaksanakan. Saya percaya CIDB sentiasa bersedia untuk memberi latihan secukupnya kepada mana-mana organisasi yang berminat, dalam membuat persediaan sebaiknya untuk meningkatkan kualiti hasil kerja dan seterusnya meningkatkan skor penilaian QLASSIC.

16. Komitmen yang berterusan dalam meningkatkan kualiti dalam pembinaan akan meningkatkan permintaan penilaian QLASSIC daripada pembeli, sekaligus meningkatkan keyakinan para pembeli terhadap kerja-kerja pembinaan oleh syarikat-syarikat pemaju. Pada masa yang sama, perkara ini akan menjadikan syarikat-syarikat pemaju lebih komited untuk mendapatkan penilaian QLASSIC ke atas projek pembinaan mereka sekaligus memacu pertumbuhan industri pembinaan negara.

Para hadirin sekalian,

17. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada JPN, SPNB dan PR1MA di atas kerjasama dan komitmen mereka di dalam usaha meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan negara.
18. Saya yakin dengan promosi serta galakkan berterusan oleh CIDB dan rakan-rakan industri dalam penggunaan QLASSIC, yang turut disokong oleh kolaborasi antara agensi-agensi kerajaan dan swasta, dapat merealisasikan aspirasi Kementerian Kerja Raya untuk

menjadikan industri pembinaan lebih maju dan berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

19. Marilah kita bekerjasama dalam menjadikan QLASSIC sinonim dengan kualiti di dalam industri pembinaan, selaras dengan sasaran Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) untuk Membudayakan Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme di dalam industri pembinaan. Sasaran ini hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama dan komitmen semua pihak, seperti yang disebut di dalam slogan CITP, **“Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan.”**
20. Akhir kata, dengan penuh rasa hormat dan takzim, saya dengan sukacitanya **merasmikan Hari QLASSIC 2019.**

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:

Urusetia QLASSIC  
CIDB  
Kementerian Kerja Raya  
Malaysia

21 Mac 2019